

26 JUN 2003

Abdullah-Moggie

MOGGIE MASIH JADI MENTERI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Datuk Amar Leo Moggie, yang telah meletak jawatan sebagai Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), masih menjadi Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

"Setahu saya beliau masih menjadi menteri. Itu tidak menjadi masalah kerana pelantikan sebagai menteri adalah dalam bidang kuasa PM (Perdana Menteri)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam Kelapan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini hari ini.

Moggie telah mengemukakan surat peletakan jawatannya itu kepada setiausaha agung PBDS Stanley Anjang Batok, di Kuching semalam.

Abdullah berkata Moggie telah memaklumkan tentang hasratnya untuk meletak jawatannya itu kepada beliau dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

"Beliau telahpun menyatakan itulah pendekatan terbaik sekali supaya apa-apa masalah yang dihadapi dalam parti itu akan dapat diatasi oleh penggantinya," katanya.

Abdullah, yang ditanya sebab Moggie meletakkan jawatan, berkata: "Tidak payahlah saya cerita bagi pihak dia pula...dia lebih tahu apa yang berlaku dalam parti dia."

Moggie, antara menteri kabinet paling lama berkhidmat di Malaysia, sebelum ini telah memberitahu anggota PBDS beliau akan berundur tahun ini daripada memimpin parti yang diasaskannya 20 tahun lepas dan mereka perlu bersedia mengambil alih.

Stanley dilaporkan sebagai berkata timbalan presiden Datuk Seri Daniel Tajem telah mengambil alih jawatan presiden parti berkuatkuasa serta merta.

Mengenai rombakan kabinet yang diumumkan Dr Mahathir, Selasa, Abdullah berharap kesemua individu yang telah diberi tugas dan tanggungjawab baru itu dapat melaksanakan amanah masing-masing dengan baik dan elok.

Rombakan itu menyaksikan antara lainnya Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang meletak jawatan dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen dilantik Timbalan Menteri Kewangan.

-- BERNAMA

HS KHY MAI